

**TEKS UCAPAN**

**PROFESOR Ts. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

---



Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis,

**Yang Berbahagia Dr. Mohd Fauzi bin Kamarudin**

Dekan Pusat Pembelajaran Bahasa

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Dekan-Dekan

Timbalan-Timbalan Dekan

Pengarah-Pengarah

Pensyarah-Pensyarah



Majis Perwakilan Pelajar sesi 2021/2022

Serta mahasiswa/mahasiswi dan keluarga UTeM yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera




1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan inayah-Nya yang mengizinkan kita untuk menganjurkan dan bersama-sama di UTeM Language Carnival bagi tahun 2022. Saya difahamkan

karnival yang diadakan selama tiga hari ini, telah bermula pada 7 Jun 2022 dan akan berlangsung sehingga 9 Jun 2022 dengan pelbagai pengisian dan aktiviti menarik, khususnya yang menumpukan kepada penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa ketiga dalam kalangan pelajar UTeM.

2. Sepertimana yang semua sedia maklum, Pusat Pembelajaran Bahasa (PPB) atau Centre for Language Learning (CELL) merupakan sebuah pusat akademik di UTeM yang menggalas tanggungjawab utama dalam meneruskan kelestarian Bahasa Kedua mahupun Ketiga

dalam ekosistem pengajian tinggi siswa dan siswi, menerusi penawaran kursus wajib universiti, elektif wajib dan elektif untuk program sarjana muda dan diploma.


- 
3. Di PPB ini lah, UTeM telah menempatkan pakar-pakar bahasa yang berpengalaman luas seperti pakar Bahasa Inggeris, Mandarin, Arab, Jepun, Jerman dan Korea. Hasrat pewujudan PPB hanyalah satu, iaitu untuk menyokong usaha universiti dalam melahirkan modal insan holistik yang memiliki nilai tambah, menerusi penguasaan dan pengetahuan bahasa, selain daripada bahasa ibunda.

4. Saya turut difahamkan, sepanjang tiga hari ini, antara aktiviti berteraskan kemahiran bahasa yang dianjurkan adalah seperti Pertandingan Anime / Game Review, Crossword Puzzle, Kaligrafi (Arab, Jepun dan Mandarin), German Story Telling, Spell It Right, Public Speaking, K-Drama (Skit), Creative Writing, Intervarsity Debate, UTeM's Got Talent dan banyak lagi. Saya percaya para peserta telah memberikan persembahan dan mencurahkan bakat dan kreativiti masing-masing sehabis baik. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua peserta.

Ladies and Gentlemen,

5. In the process of learning and acquiring language excellence today, extensive references and materials are provided and accessible to all, such as books, newspapers, documentaries, online materials and television programmes. In order to become a proficient speaker, students must take advantage of all these mediums, not just to enhance their language proficiency but also to enrich their knowledge especially on current issues. As we all know it, we have moved past the time, when second and third languages were just a subject

taught for examination purposes. Today, these vehicular languages are in greater demands and an asset to current and future employments. Being competent in multi languages will also allow for a diverse range of knowledge resources. As learning is a lifelong process, I, therefore urge you to use these significant opportunities available at UTeM as best as possible.

- 
- اونیورسیتی یتکنیک مالزی
6. I do hope that the UTeM Language Carnival continues to be an enjoyable and highly immersive experience for all. With the fervent support and commitment from all, especially the

Dean, and committee members of ULC, I hope that the UTeM Language Carnival will firmly position and strengthen its relevance, and continue as an annual event organized by the Centre for Language Learning UTeM, insya Allah.

On that note and with “Bismillah hirrahmaa nirrahiim” I would like to officially announce the Opening of the UTeM Language Carnival 2022. Thank you.